

Majlis Pertemuan Sastrawan Brunei V

Ucapan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah di Majlis Pertemuan Sastrawan Brunei V bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun pada Hari Rabu 8 Disember 2010.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga dan bersukut baik dengan Awal Tahun Hijriah 1432 maka sekali lagi kita dapat berkumpul bagi mengadakan sebuah pertemuan yang kita kenali sebagai Pertemuan Sasterawan Brunei Ke-5 (PSB V), iaitu pertemuan ilmu dwitahunan yang diadakan bermula sejak tahun 2001.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak pengajur iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana telah berjaya menganjurkan pertemuan ini serta pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang telah memberi dukungan dalam bentuk kewangan bagi menjayakan pertemuan ilmu ini. Sesungguhnya dukungan seperti ini amat diperlukan dan sangat signifikan dalam usaha untuk mengangkat martabat dan menyebarluaskan sastera Melayu sama ada di peringkat nasional maupun di peringkat antarabangsa.

Di kesempatan ini juga, bersesuaian dengan perhimpunan para penulis, penyair dan peminat sastera tanah air, rasanya tidak terlambat untuk saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada beberapa orang penulis dan penyair tanah air yang telah baru saja menerima Anugerah Hadiah dan Penghargaan dari luar negara, iaitu:

1. Penerima SEA Write Ward yang ke-25 bagi tahun 2010, Wijaya, iaitu nama pena bagi Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, anugerah ini telah dikurniakan oleh Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn dan Yang Teramat Mulia Puteri Srirasmi pada 6 Oktober 2010, di Bangkok, Thailand.
2. Penerima Hadiah Sastera MASTERA 2009, iaitu Yang Mulia Haji Mohd. Salleh bin Latif, seorang novelis tanah air yang aktif berkarya hingga sekarang. Beliau menerima hadiah ini pada

30 November 2010, di Kuala Lumpur yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yasin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

3. Penerima Penghargaan Penulis Muda MASTERA 2010, yang telah diberikan kepada penulis muda tanah air iaitu Yang Mulia Awang Puasa bin Kamis, pada 27 Oktober 2010, di Jakarta, Republik Indonesia. Beliau merupakan penulis muda yang berbakat dan aktif memberi bimbingan penulisan kreatif melalui laman blog.

Mudah-mudahan Anugerah, Hadiah dan Penghargaan yang telah diterima itu akan menjadi pendorong supaya akan terus menulis dan menyumbangkan karya yang bermutu tinggi yang sekali gus dapat berperanan melahirkan masyarakat yang meminati sastera khususnya karya sastera tanah air.

Sehubungan dengan pemberian anugerah kepada penulis tanah air oleh pihak luar negara, dan selaras dengan hasrat kita untuk mengiktiraf, mengangkat dan mengembangkan sastera tanah air, maka mungkin sudah tiba masanya bagi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan isntitusi-institusi yang bersangkutan mengambil langkah ke hadapan untuk memikirkan satu bentuk anugerah sebagai pengiktirafan dan penghormatan kepada penulis tanah air kita yang memang tidak kurang hebatnya jika dibandingkan dengan penulis-penulis dari negara-negara jiran kita dari segi mutu karyanya.

Kewajaran pemberian anugerah pengiktirafan ini kepada sasterawan tempatan kita adalah memandangkan peranan sastera itu dalam membangun negara adalah sama pentingnya dengan bidangbiang yang lain. Golongan penulis sebagai anggota dalam masyarakat juga terlibat sama bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara. Dalam setiap tamadun, golongan penulis bukan sahaja menjadi pencatat zamanya tetapi dalam banyak hal mereka juga menjadi penjana dan pemimpin pemikiran masyarakatnya.

Melalui hasil penulisan dan karya sastera penulisan dan karya sastera dapat menyumbang pada memajukan dan penguasaan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam yang sekali gus dapat memperkaya khazanah persuratan dan ilmu Bahasa Melayu.

Melalui penulisan dan karya sastera yang bermutu dan mempunyai nilai intelek juga, dapat membantu kepada pencapaian wawasan negara dengan membawa masyarakat sama-sama berfikir dan melihat maju ke hadapan untuk bangun dan mendukung hasrat kerajaan dan negara untuk menjadi bangsa dan negara yang maju.

Melalui hasil karya sastera juga, dapat melahirkan anak bangsa dan generasi yang bermoral, mempunyai nilai-nilai kemanusiaan, kerohanian, kebudayaan, kemasyarakatan, kewarganegaraan dan mempunyai jati diri pada mendukung nilai-nilai kehidupan yang berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja.

Secara umumnya, karya sastera itu boleh dijadikan wadah berdakwah, berfikir, mendidik dan menghibur yang berkesan. Banyak novel dapat membekalkan pelbagai ilmu kepada pembacaanya yang sekali gus mampu menjana perubahan dalam masyarakat. Misalkan novel-novel yang dihasilkan oleh penulis terkenal seperti Tolstoy, Dickens, Pramoedya, Shahnon dan lain-lain mempunyai analisis sosial yang mempengaruhi aliran pemikiran dan pembangunan masyarakat di zaman-zaman tertentu. Oleh itu, pemberian pengiktirafan berbentuk anugerah itu adalah sesuatu yang wajar diberikan kepada penulis, tidak terkecuali kepada penulis kita, insya-Allah.

Bersempena dengan Anugerah Kesusteraan Islam kali Pertama pada 5 November 2008, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang dikenali di dalam dunia kepenyairan sebagai Muda Omar 'Ali telah diiktiraf sebagai 'Tokoh Sasterawan Islam Brunei'. Sehubungan dengan ini saya telah difahamkan bahawa dengan pengiktirafan tersebut dan dengan melihat kekuatan pemikiran Penyiar Diraja itu maka Tema Pertemuan Sasterawan Brunei kali ini dihubungkaitkan dengan ketokohan baginda itu iaitu 'Muda Omar Ali Tokoh Sasterawan Islam Brunei'.

Saya rasa, tema ini adalah amat bertepatan dengan pengakuan para penulis tanah air yang mereka zahirkan di dalam Resolusi Pertemuan Sasterawan Brunei Ke-2 pada tahun 2003, yang telah mencatatkan:

Syair Pelembagaan Negeri Brunei merupakan karya sastera yang unggul, patut dicontohi oleh penyair tempatan dalam menghasilkan karya bercorak kenegaraan. Ia merupakan satu dokumen atau artifak yang penting dan perlu dipelihara dan dikaji.

Seperti yang kita maklumi bahawa syair-syair Al-Marhum ini sarat dengan pemikiran-pemikiran yang bernalas, berpandangan jauh ke depan sesuai untuk bahan bacaan dan pemikiran segenap lapisan masyarakat terutama pemimpin dan generasi muda.

Syair Perlembagaan Negeri Brunei karangan Al-Marhum memiliki nilai-nilai kebijaksanaan sebagai seorang pemimpin besar berjiwa rakyat ke arah pembentukan sesebuah negara yang berdaulat. Hal ini boleh diselami di dalam bait-bait indah syair Al-Marhum kekuatan syair ini begitu jelas dengan adanya penggarapan nilai-nilai agama dan syair Islam dari seorang pemimpin yang warak dalam mendaulatkan agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara. Maka untuk merealisasikan resolusi ini, saya rasa sudah sampai masanya untuk kita mengangkat syair ini sebagai salah sebuah teks sastera yang perlu dianalisis falsafah dan moral yang terkandung di dalamnya dan dipraktiskan panduan dan pengajaran yang ada di dalamnya. Hasrat kita ialah supaya amanat Al-Marhum dapat menjadi bahan pemikiran dan pembelajaran ke arah

pembentukan generasi muda yang berilmu berakhhlak, beriman dan mempunyai nilai-nilai murni kemanusiaan.

Sebagai bahan pemikiran, sehubungan dengan hasrat kita untuk menyelusuri pemikiran Al-Marhum dalam karya-karya baginda dan bagi memastikan usaha tersebut akan benar-benar memberi impak kepada pemikiran penyair, penulis dan pecinta sastera tanah air dan kepada kita semua, maka rasanya Dewan Bahasa dan Pustaka bolehlah memikirkan untuk bekerjasama dengan pihak yang berkaitan untuk mengadakan Kolokium Pemikiran Al-Marhum Muda Omar 'Ali Saifuddien berdasarkan teks-teks syair Al-Marhum.

Syair-syair Al-Marhum memiliki pelbagai amanat yang boleh dirungkaikan dari pelbagai disiplin ilmu. Dengan menganjurkan kolokium ini dan menghimpunkan sekelompok pakar dalam pelbagai disiplin ilmu maka akan terungkailah pemikiran yang terdapat di dalam syair-syair Al-Marhum. Mudah-mudahan perkara ini dapat dibincangkan dengan lebih mendalam di pertemuan ini.

Akhirnya, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah atas dukungan yang telah diberikan. Semoga semangat kerjasama ini akan dapat diteruskan demi meningkatkan perkembangan sastera tanah air dan kelangsungan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.